

Segerakan Projek Langat 2

SWAn desak kerajaan negeri mempercepatkan projek atasi krisis air

JANATUL FIRDAUS YAACOB

SHAH ALAM - Kerajaan negeri digesa supaya menyegerakan Projek Langat 2 supaya insiden krisis air seperti yang berlaku baru-baru ini dapat dielakkan.

Presiden Persatuan Air Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya (SWAn), Aldric Loong Kim Yew berkata, insiden terputus bekalan air minggu lalu jelas menunjukkan keperluan untuk air yang dirawat dan peningkatan kemudahan rawatan baru seperti Projek Langat 2 perlu disegerakan.

"Tumpahan minyak diesel yang mencemarkan Sungai Selangor serta sumber airnya mendatangkan kesan lebih buruk apabila margin rizab kapasiti kurang daripada 1 peratus.

"Ini menjadikan ia lebih sukar untuk Syabas menyalurkan bekalan air dari tempat lain dengan cepat," katanya dalam satu kenyataan akhbar, semalam.

Beliau yakin kejadian seperti itu boleh dielakkan dengan menggunakan garis panduan ketat dan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa seperti Lembaga Urus Air Selangor (Luas), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan kerajaan Selangor.

"Sungai Selangor terkenal se-

bagai sumber utama bekalan air yang dirawat untuk hampir 60 peratus daripada penduduk di Selangor. Tambahan pula, sungai itu tidak dilindungi sepenuhnya daripada pencemaran.

"Ramai tidak sedar usaha untuk memastikan bekalan air mentah mencukupi dan bebas daripada pencemaran ialah tanggungjawab kerajaan negeri dan diuruskan melalui Luas," katanya.

Dalam pada itu, Aldric Loong berkata, kualiti air dipantau oleh JAS manakala sungai di bawah tanggungjawab Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor (JPS) namun penguatkuasaan daripada tiga pihak berkuasa itu jelas lemah dan dengan mudah membiarkan keadaan itu berlaku 31 Ogos lalu.

"Selain itu SWAn berharap kontraktor yang terlibat dalam projek besar MRT, LRT dan projek-projek lebuhraya lain akan meneruskan usaha mengamalkan tanggungjawab sosial korporat yang baik bagi memastikan bekalan air tidak terjejas hasil kerja-kerja mereka.

"SWAn mendapat maklumat terdapat kes-kes penutupan haram menyalahi undang-undang dan gangguan. Kami menggesa tindakan tegas wajar diambil terhadap perbuatan tamak dan mementingkan diri sendiri sama ada dengan

mencemarkan sungai kita di bawah penguasaan Luas atau JAS," katanya.

Dalam perkembangan sama, SWAn menasihati pengguna untuk me-

laporkan sekiranya terdapat sebarang kecurian dan penutupan aram kepada Puspel Syabas dengan segera.

"Pengguna juga dinasihatkan untuk

mengurangkan dan menjimatkan penggunaan air sebanyak mungkin sehingga isu air dapat diselesaikan sepenuhnya," katanya.

Rasulullah S.A.W bersabda:

"Bentengkanlah harta kamu dengan zakat dan ubatilah penyakit kamu dengan sedekah"

(Riwayat Tabrani)

